

PENGENDALIAN DATA

1. Padankan data yang berikut dengan kaedah pengumpulan data yang relevan.

a Cara murid datang ke sekolah. •

b Program televisyen yang digemari oleh setiap murid. •

c Bilangan kereta yang melalui satu persimpangan jalan raya setiap jam. •

d Suhu air panas yang menyejuk setiap lima minit. •

e Masa hayat sebiji bateri. •

f Populariti seorang penyanyi. •

g Tahap pencemaran udara. •

Tinjauan

Eksperimen

Pemerhatian

Temu bual

- o Terdapat dua jenis data numerik :

Data Diskret	Data Selanjar
Data diskret diperoleh secara membilang. Misalnya, bilangan pekerja asing di sebuah kilang ialah 125 orang.	Data Selanjar diperoleh secara mengukur atau menyukat. Misalnya, tinggi murid dalam sebuah kelas ialah 125.5cm, 137.0 cm, 140.5 cm...

2. Di bawah ialah data numerik. Tandakan '✓' di ruang yang betul.

	Data diskret	Data selanjar
Suhu badan setiap murid		
Bilangan pokok yang ditanam di setiap daerah		
Bilangan setem yang dikumpul oleh setiap murid		
Masa penggunaan internet		
Panjang cacing tanah		
Bilangan pelancong ke Muzium Negara setiap bulan		
Pendapatan tahunan		

3. Padankan data dengan perwakilan data yang paling sesuai.

- (a) Suhu, dalam °C, di beberapa tempat:
- | | | |
|------|------|------|
| 28.5 | 30.1 | 28.7 |
| 29.6 | 29.2 | 30.0 |
| 28.3 | 30.4 | 29.5 |
- (b) Bilangan penghuni sebuah rumah di suatu kawasan kediaman:
- | Bilangan penghuni | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|-------------------|----|----|-----|----|----|
| Kekerapan | 30 | 66 | 101 | 57 | 49 |
- (c) Bilangan pingat yang dimenangi oleh suatu kontingen dalam sukan negeri:
- | Emas | Perak | Gangsa |
|------|-------|--------|
| 20 | 30 | 40 |
- (d) Kadar dividen yang diberi oleh sebuah syarikat kepada pelabur:
- | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 |
|------|------|------|------|
| 4% | 7% | 5% | 10% |

Carta palang

Carta palang digunakan untuk perbandingan antara beberapa kategori.

Carta pai

Carta pai digunakan untuk mewakili data sebagai sebahagian daripada keseluruhan dan memaparkan perbezaan antara kategori.

Graf garis

Graf garis digunakan untuk memaparkan trend suatu data dalam tempoh masa tertentu.

Plot batang-dan-daun

Plot batang-dan-daun digunakan untuk memaparkan hubungan antara dua set data.

4. Berdasarkan perwakilan data di bawah, tandakan '✓' pada pernyataan yang betul dan 'x' jika sebaliknya.

Jisim Murid	
Batang	Daun
3	0 4 4 8
4	2 2 2 6 6 7
5	0 4 5
6	2 3

Kekunci : 3 | 0 bermaksud 30 kg

(i) Jisim murid yang paling berat ialah 47 kg.

(ii) Beza jisim antara murid yang paling ringan dengan murid yang paling berat ialah 33 kg.

(iii) Data di atas terdiri daripada jisim 15 orang murid.